

Apakah Habaq? Hangs?

BULETIN USR 2023 | ISU 2



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang

Jaringan
Industri
Masyarakat
& Alumni



Hak Cipta @ 2024 Bahagian PJIM&A UiTM Cawangan Pulau Pinang

Hak cipta terpelihara. Buku ini atau mana-mana bahagian daripadanya tidak boleh diterbitkan semula atau digunakan dalam apa cara sekalipun tanpa kebenaran bertulis nyata daripada penerbit kecuali untuk penggunaan petikan ringkas dalam ulasan buku.

eISSN : 3009-1616

Konsep Reka Bentuk & Idea : Pn. Siti Rahimah Rosseli

Dicetak oleh Pusat Percetakan UiTM
Cetakan Kedua September 2024

Diterbitkan oleh:
Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang, MALAYSIA

E-mel : pjimapenang@uitm.edu.my

No. telefon : +604-3822840

APA HABAQ HANGPA?

Buletin USR 2023 diterbitkan secara tahunan



Kebahagiaan adalah
kesetiaan.

Setia atas indahnya
merasa cukup,

Setia atas indahnya
ketulusan berbuat
baik,

Setia atas indahnya
berbagi rezeki.



KATA ALUAN



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Malaysia Madani dan Salam UiTM Dihatiku.

Syukur alhamdulillah, dengan izin-Nya, edisi ke-2 Buletin Apa Habaq Hangpa? telah berjaya diterbitkan. Buletin yang penuh bermakna ini, khusus menampilkan kerja-kerja kemasyarakatan bersama industri dan alumni yang telah dilakukan pada tahun 2023. Sesungguhnya, peranan kita sebagai warga Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) tidak hanya terbatas kepada diri, keluarga dan akademik semata-mata, malah turut merangkumi tanggungjawab terhadap komuniti yang lebih luas.

Buletin ini adalah bukti nyata bahawa kerja-kerja kemasyarakatan tidak hanya sekadar perbuatan biasa, tetapi satu bentuk amal jariah yang membawa manfaat berterusan kepada masyarakat. Setiap kisah, setiap artikel, dan setiap gambar yang dimuatkan di dalam buletin ini menggambarkan semangat keprihatinan dan kesukarelawan yang tinggi, yang menjadi teras kepada pembinaan masyarakat yang sejahtera dan harmoni.

Pihak pengurusan amat berbangga dengan penglibatan aktif semua pihak, sama ada individu, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), mahupun pihak swasta yang telah menyumbang tenaga, masa, dan sumber demi kesejahteraan masyarakat. Pelbagai program yang dijalankan, seperti bantuan kepada golongan memerlukan, program pendidikan, kesihatan, dan pemuliharaan alam sekitar, semuanya mempamerkan komitmen padu kita dalam membina sebuah masyarakat yang inklusif dan penyayang.

Diharapkan buletin ini dapat menjadi sumber inspirasi kepada semua pembaca untuk terus menyumbang kepada masyarakat dengan pelbagai cara. Marilah kita bersama-sama melangkah maju dengan semangat kesukarelawanan yang lebih kental, terus mengukuhkan ukhuwah, dan membina masyarakat yang lebih baik dan lestari untuk generasi masa depan. Tahniah diucapkan kepada Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIMA) kerana dapat mengumpulkan kisah-kisah yang menarik dalam menunjukkan kebersamaan warga UiTM CPP bersama komuniti setempat.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penerbitan Buletin ini. Semoga usaha kita semua diberkati dan mendapat ganjaran yang setimpal dari-Nya. Sekian, terima kasih.

YBhg. Profesor Dato' Ir. Dr. Hj. Ahmad Rashidy Razali
Rektor
UiTM Cawangan Pulau Pinang

SEKAPUR SIRIH



Assalamu'alaikum wrbt, salam sejahtera, salam Malaysia Madani dan salam UiTM Dihatiku.

Syukur ke hadrat Ilahi, kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama menyaksikan penerbitan majalah ini yang memberikan fokus kepada aktiviti kemasyarakatan yang amat dekat di hati kita. Buletin ini adalah wadah untuk kita berkongsi pengalaman, pengetahuan, dan inspirasi dalam menjalankan tanggungjawab sosial yang tidak hanya memberi manfaat kepada individu tetapi juga kepada masyarakat secara keseluruhannya.

Dalam dunia yang semakin kompleks ini, keperluan untuk kita bersatu padu dan membantu sesama sendiri semakin dirasai. Kerja-kerja kemasyarakatan bukan sahaja mencerminkan keprihatinan kita terhadap isu-isu sosial, tetapi juga menzahirkan komitmen kita dalam memperjuangkan keadilan, kesaksamaan, dan kesejahteraan bersama. Oleh itu, buletin ini berperanan penting sebagai platform untuk menyemarakkan lagi semangat kesukarelawanan dan sifat ihsan di kalangan kita semua.

Setiap helaian dalam buletin ini dipenuhi dengan cerita-cerita inspirasi, dari usaha kecil yang membawa perubahan besar hingga ke program-program besar yang melibatkan penyertaan ramai.

Semua ini adalah manifestasi kepada nilai-nilai murni yang kita junjung tinggi, seperti kasih sayang, toleransi, dan perpaduan. Diharapkan, segala usaha yang ditonjolkan dalam majalah ini akan menjadi pemangkin kepada lebih banyak inisiatif kemasyarakatan pada masa akan datang.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah terlibat dalam kerja-kerja kemasyarakatan yang dipaparkan dalam majalah ini. Anda semua adalah hero yang tidak didendang, yang tanpa mengira penat lelah, terus memberikan sumbangan demi kesejahteraan masyarakat. Semoga Allah SWT memberkati segala usaha dan jasad yang telah dicurahkan. Semoga majalah ini dapat menjadi sumber inspirasi dan motivasi kepada pembaca sekalian untuk terus memberi sumbangan kepada masyarakat, seterusnya menjadikan dunia ini tempat yang lebih baik untuk semua. Terima kasih, dan selamat membaca.

Profesor Madya Ts. Dr. Kay Dora Abd Ghani
Timbalan Rektor
Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni
UiTM Cawangan Pulau Pinang

DARI PENA KETUA EDITOR



Assalammualaikum, Salam Malaysia Madani dan Salam UiTM Dihatiku,

Alhamdulillah, dengan rasa penuh syukur, saya mengalu-alukan kehadiran anda semua dalam edisi terbaru buletin yang memfokuskan kepada kerja-kerja kemasyarakatan ini. Buletin Apa Habaq Hangpa ini merupakan edisi ke-2 dan memfokuskan kepada kerja-kerja kemasyarakatan yang telah dilaksanakan oleh warga Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP). Dalam dunia yang sentiasa berkembang ini, adalah penting bagi kita untuk terus mengingati tanggungjawab sosial kita sebagai individu yang hidup dalam sebuah komuniti yang berbilang bangsa dan budaya. Sebagaimana yang pernah dikatakan oleh Mahatma Gandhi, “The best way to find yourself is to lose yourself in the service of others.” Kata-kata ini mengingatkan kita bahawa dalam memberi, kita sebenarnya menemui makna hidup yang lebih mendalam. Kerja-kerja kemasyarakatan bukan sekadar membantu mereka yang memerlukan, tetapi juga satu proses untuk memperkayakan jiwa kita dengan nilai-nilai murni seperti kasih sayang, empati, dan rasa tanggungjawab.

Buletin ini memaparkan pelbagai usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh individu dan organisasi untuk membantu masyarakat kita.

Setiap kisah yang dikongsikan adalah bukti komitmen dan dedikasi mereka dalam mencipta

impak positif, tidak kira sekecil mana sekalipun usaha itu. Harapan kami adalah agar pembaca dapat menjadikan kisah-kisah ini sebagai inspirasi untuk turut serta menyumbang kepada masyarakat dengan apa jua cara yang mampu.

Saya yakin bahawa dengan sokongan dan penyertaan semua, kita dapat membina sebuah masyarakat yang lebih inklusif, penuh dengan rasa kebersamaan dan saling menghormati. Sebagaimana yang pernah diungkapkan oleh Martin Luther King Jr., “Life’s most persistent and urgent question is, ‘What are you doing for others?’” Marilah kita sama-sama menjawab soalan ini dengan tindakan nyata yang membawa manfaat kepada semua.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah berusaha menjayakan penerbitan majalah ini. Semoga kita terus diberi kekuatan untuk berbakti kepada masyarakat dan seterusnya membentuk dunia yang lebih baik untuk generasi akan datang. Terima kasih, dan selamat membaca.

**Ts. Dr. Mohd Ikmal Fazlan Rozli @ Rosli
Ketua Editor**

**Buletin Apa Habaq Hangpa? Isu 2
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau
Pinang**

Dunia untuk diurus,



bukan untuk dirungsingkan



PENGENALAN

Selamat datang ke Buletin Apa Habaq Hangpa? Isu 2 yang menghimpunkan pelbagai inisiatif kerja-kerja kemasyarakatan yang dilaksanakan oleh warga Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) dalam tahun 2023. Dalam dunia yang semakin mencabar, peranan setiap individu dan organisasi dalam membantu golongan yang memerlukan semakin penting.

Di dalam setiap penceritaan dalam buletin ini, anda akan menemui kisah-kisah inspirasi mengenai projek bantuan kemanusiaan, program pendidikan, kempen kesihatan, dan pelbagai aktiviti sosial lain yang telah memberi impak positif kepada ramai pihak. Dengan menampilkan kisah-kisah ini, kami berharap dapat menyemai semangat prihatin dalam diri setiap pembaca, serta mendorong lebih ramai untuk terlibat secara langsung dalam kerja-kerja kemasyarakatan.

Buletin ini juga bertindak sebagai platform untuk mengiktiraf dan menghargai sumbangan semua pihak yang telah menjayakan pelbagai projek komuniti. Hampir kesemua kerja-kerja kemasyarakatan yang dilakukan oleh warga UiTM CPP adalah sangat berimpak dengan penglibatan dari pihak Kerajaan, swasta/industri, NGO dan komuniti penerima manfaat.

Kami percaya bahawa dengan mengangkat kisah-kisah aktiviti kemasyarakatan ini, kita dapat mencetuskan lebih banyak inisiatif yang memberi manfaat kepada seluruh masyarakat. Semoga buletin ini menjadi sumber inspirasi dan panduan untuk kita semua terus menyumbang kepada kesejahteraan bersama.

Selamat membaca Buletin Apa Habaq Hangpa? Isu 2 dan bersama kita terus berbakti!

SIDANG EDITORIAL

PENAUNG

Profesor Dato' Ir. Dr. Hj Ahmad Rashidy Razali

PENASIHAT

Profesor Madya Ts. Dr. Kay Dora Abd Ghani

KETUA EDITOR

Ts. Dr. Mohd Ikmal Fazlan Rozli @ Rosli

EDITOR

Dr. Ainorkhilah Mahmood

Ts. Dr. Mohd Samsudin Abdul Hamid

Pn. Siti Rahimah Rosseli

Pn. Irina Mohd Akhir

Pn. Nurwahida Muhammad Pengiran

Encik Noor Azli Affendy Lee



ISI KANDUNGAN

1

OT WITH PDK: PENGENDALIAN MOTOR KASAR KANAK-KANAK

3

JELAJAH KASIH DI MAAHAD TAHFIZ AKADEMI AL-QURAN AS-SYAMIL (AQSA)

6

**PENANG CIVIL ENGINEERING STUDENT'S SOCIETY (P'CES)
CLUBHOUSE 2023: PROGRAM KEPIMPINAN JATIDIRI DAN USR
BERSAMA PENDUDUK DAN JAWATANKUASA MASJID**

9

**KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAMME (KTP): SAVOR THE
FLAVOURS THROUGH CULINARY EXPERIENCE**

12

**KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAM (KTP): MALAYSIAN
HERITAGE CUISINE**

15

**WAKAF AIR: MEMPERKASA KOMUNITI DI KAMPUNG PAHIT
DALAM, GERIK**

18

**ALUMNI COFFEE BREAK: SESI RAMAH MESRA BERSAMA
ALUMNI UITMCP**

**KEMPEN DERMA DARAH UITMCPD-JKSB 2023: KOLABORASI
STRATEGIK GALAKKAN PENYERTAAN MASYARAKAT BUKIT
MERTAJAM**

**PROGRAM JALINAN KASIH BERSAMA PERSATUAN SAHABAT
KANAK-KANAK KANSER WILAYAH UTARA (FOCCAN) 2023**

**INISIATIF KHIDMAT MASYARAKAT GLOBAL BAGI MEMUPUK
KESIHATAN KANAK-KANAK MELALUI PENDIDIKAN KESIHATAN
DAN KEBUN KOMUNITI**

STEM: LET'S LEARN INTERACTIVELY 2023

**PROGRAM CAKNA ILMU: MENEROKA PELUANG DAN MENCIPTA
KEGEMILANGAN UNTUK GENERASI MUDA MASA DEPAN**

PROGRAM "DARE TO SPEAK 2.0"

MADRASAH VISIT AND EXCHANGE OF KNOWLEDGE 2.0

39

**PROJEK RUMAH KEBAJIKAN ANGKAT PENYAYANG UITMCP
2023**

42

**PROJEK ANONYMOUS OUTREACH: MENGGUNAKAN GATHER
UNTUK SOKONGAN KAUNSELING DAN RAKAN SEBAYA**

**I-ACE : TEKNIK PEMBELAJARAN BERKESAN AL-QURAN DAN
STEM MELALUI KAEDAH “DIGITAL STORYTELLING” DI SMK
DATO’ KAILAN, KEPALA BATAS, PULAU PINANG**

45

OT With PDK: Pengendalian Motor Kasar Kanak-kanak

Muhammad Radhi Rahimi Abu Bakar

Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

Pada 8 Mei 2023, Program Diploma Pemulihan Cara Kerja, Fakulti Sains Kesihatan, UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) Kampus Bertam telah mengadakan program bersama komuniti yang terdiri daripada 30 orang pelatih dari Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Pokok Sena, Tasek Gelugor, Pulau Pinang. Pelatih-pelatih ini kebanyakannya mempunyai masalah pergerakan motor kasar yang terdiri daripada kondisi seperti cerebral palsy dan lewat perkembangan.

Program “OT With PDK: Pengendalian Motor Kasar Kanak-kanak” ini telah dirasmikan oleh Encik Amir Heberd bin Abdullah selaku Penolong Rektor, UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Bertam. Turut hadir ialah penyelaras Program Diploma Pemulihan Cara Kerja, Puan Siti Salwa binti Talib, pensyarah-pensyarah UiTM, penyelia PDK, petugas-petugas PDK, dan para ibu bapa dan penjaga.

Program ini bertujuan untuk mengaplikasikan kursus yang diambil oleh mahasiswa Program Diploma Pemulihan Cara Kerja melalui interaksi bersama para pelatih di PDK Pokok Sena. Tambahan lagi, objektif umum program ini adalah bertujuan menggalakkan mahasiswa bergiat aktif dalam program berunsurkan sains, teknologi dan inovasi bersama masyarakat luar.

Di samping itu, ia bertujuan meningkatkan kemahiran sosial iaitu dari segi komunikasi dan kepimpinan, dan menambah baik kemahiran kerja berpasukan yang mantap dari segi aspek pengurusan dalam kalangan mahasiswa program Pemulihan Cara Kerja.

Program ini dimulakan dengan sesi ceramah mengenai pengendalian motor kasar terhadap kanak-kanak berkeperluan khas yang mempunyai masalah fizikal yang disampaikan oleh Encik Muhammad Iqbal Bin Shahrudin, pensyarah fisioterapi, dan Encik Muhammad Radhi Rahimi bin Abu Bakar, pensyarah pemulihan cara kerja dari Fakulti Sains Kesihatan, UiTM CPP Kampus Bertam kepada para ibu bapa pelatih PDK. Di samping itu, terdapat aktiviti sampingan yang dijalankan pada waktu yang sama ketika ceramah berlangsung. Aktiviti sampingan ini hanya melibatkan para pelatih dan beberapa ahli fasilitator daripada kelab Occupational Therapy Students' Association (OTHENS).

Setelah selesai aktiviti ceramah, para pelatih terlibat dalam aktiviti hands-on pendekatan sensorimotor dan aktiviti kawalan postur. Aktiviti ini menyentuh secara menyeluruh teknik-teknik asas yang boleh dipraktikkan oleh penjaga dan juga ibu bapa seperti regangan,

senaman dan pergerakan posisi badan mengikut kondisi kanak-kanak tersebut.

Seramai 36 orang mahasiswa telah bertindak selaku fasilitator dalam program dan aktiviti tersebut. Hasil dari program ini telah memberikan peluang kepada para mahasiswa melibatkan diri dalam pendedahan pengaplikasian teknik dan intervensi dalam gangguan perkembangan motor dan pergerakan kepada kanak-kanak berkeperluan khas.

Sambutan dan maklum balas daripada pihak PDK dan para ibu bapa adalah amat memberangsangkan dan para peserta juga memberikan kerjasama sepanjang program ini dijalankan. Kebolehan peserta untuk melakukan aktiviti amat dikagumi.



Pihak penganjur iaitu Program Diploma Pemulihan Cara Kerja, Fakulti Sains Kesihatan, UiTM CPP Kampus Bertam ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua jawatankuasa program, para pensyarah, pengurusan PDK, petugas-petugas dan pelatih PDK yang telah terlibat bagi menjayakan program tersebut.

Diharapkan program komuniti sedemikian dapat dijalankan pada masa akan datang. Ini kerana, ia mampu meningkatkan kualiti pelajar universiti sekaligus mengangkat imej UiTM di mata masyarakat. Seterusnya, ia menjadi penanda aras kepada pihak universiti untuk menganjurkan lebih banyak program yang melibatkan pembangunan kanak-kanak dalam setiap aspek.



Jelajah Kasih

DI MAAHAD TAHFIZ AKADEMI AL-QURAN AS-SYAMIL (AQSA)

Ts. Fairus Azwan Azizan, Ts. Zanariah Abd Rahman



Pengajian Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

Pada 2 Disember 2023, satu program khidmat masyarakat University Social Responsibility (USR) telah dijalankan di Maahad Tahfiz Akademi Al-Quran As-Syamil (AQSA) yang terletak di Taman Sejahtera, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Program ini dianjurkan oleh Penang Civil Engineering Student's Society (P'CES) dari UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) dengan kerjasama daripada pihak syarikat THB Maintenance Sdn. Bhd. Program ini melibatkan 36 orang ahli kelab P'CES dan 15 staf dari THB Maintenance Sdn. Bhd., serta para pelajar dan kakitangan AQSA.

Tujuan utama program ini adalah untuk membantu membersihkan kawasan sekitar AQSA, memulihara jalan yang sedia ada serta mengecat bahagian luaran bangunan.

Di samping itu, salah satu aktiviti yang dijalankan adalah pemberian sumbangan barangan keperluan dapur kepada pelajar-pelajar AQSA. Melalui program ini, ahli kelab P'CES dapat mempraktikkan skil bekerjasama dalam setiap aktiviti yang dilakukan.

Program ini juga membantu meningkatkan cara berkomunikasi secara berkesan antara para pelajar universiti dengan pihak industri dan juga pihak pusat AQSA. Program ini mendapat sokongan kewangan dan kelulusan daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM CPP dan THB Maintenance Sdn. Bhd., yang telah menyumbang peralatan gotong royong dan bahan untuk mengecat bangunan. Aktiviti gotong royong ini melibatkan lebih daripada 90 orang peserta, termasuk ahli P'CES, staf THB

Maintenance, serta pelajar dan kakitangan AQSA. Aktiviti gotong royong dimulakan seawal jam 9.00 pagi. Majlis penutup diadakan sekitar jam 3.00 petang dengan ucapan daripada mudir AQSA, wakil P'CES, dan wakil THB Maintenance Sdn. Bhd. Persembahan qasidah oleh pelajar AQSA turut memeriahkan majlis. Seterusnya, terdapat satu sesi sumbangan barangan keperluan dapur seperti beras, bihun, telur, susu, kicap, sos, dan gula kepada pihak AQSA. Program ini tamat pada jam 4.00 petang.

Pendedahan kepada pelajar mengenai kepentingan kerjasama sesama ahli dan orang ramai, serta meluaskan jaringan dengan pihak luar termasuk industri, adalah antara matlamat utama program ini.

AktivitiUSR ini juga melibatkan usaha mencantikkan kawasan AQSA, yang mana ia memberikan impak positif bukan sahaja kepada peserta tetapi juga kepada komuniti setempat.

Selain itu, para peserta dari UiTM CPP juga berpeluang untuk beramah mesra dengan pelajar-pelajar AQSA serta berkongsi ilmu kejuruteraan awam. Ini membantu memperkukuhkan hubungan antara peserta program dan pelajar AQSA, serta membuka peluang untuk penukaran pengetahuan dan pengalaman. Di samping itu, sumbangan barangan keperluan dapur kepada pelajar-pelajar AQSA menunjukkan sikap prihatin dan tanggungjawab sosial dalam kalangan peserta program.

Secara keseluruhannya, program khidmat masyarakat yang dianjurkan oleh P'CES dengan kerjasama THB Maintenance Sdn. Bhd. di Maahad Tahfiz Akademi Al-Quran As-Syamil (AQSA) berjaya mencapai matlamatnya. Melalui aktiviti gotong royong dan sumbangan barangan keperluan dapur, program ini tidak hanya membantu mencantikkan kawasan pusat tetapi juga mendidik sifat kerjasama dan komunikasi dalam kalangan peserta. Dengan sokongan daripada pelbagai pihak, program ini memberikan pengalaman berharga kepada semua yang terlibat dan memperkukuh hubungan antara universiti dan komuniti setempat.





**PENANG CIVIL ENGINEERING STUDENT'S
SOCIETY (P'CES) CLUBHOUSE 2023**

PROGRAM KEPIMPINAN JATIDIRI DAN USR BERSAMA PENDUDUK DAN JAWATANKUASA MASJID

Ts. Fairus Azwan Azizan, Mohd Zaini Endut, Ts. Zanariah Abd Rahman

Pengajian Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

Pada 24 hingga 26 November 2023, program P'CES Clubhouse telah dianjurkan di Pulau Pangkor, Perak oleh Penang Civil Engineering Student's Society (P'CES).

Program ini melibatkan 28 orang pelajar Pengajian Kejuruteraan Awam UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTMCPP) dan dua orang pensyarah pengiring iaitu Ts. Fairus Azwan Azizan dan En. Mohd Zaini Endut. Program ini bertujuan untuk memperkukuhkan sifat kepimpinan dan jatidiri dalam kalangan ahli kelab dan juga penglibatan mahasiswa dalam pelbagai aktiviti khidmat masyarakat kepada komuniti.



Pada hari pertama, pelbagai aktiviti kepimpinan peserta telah dijalankan. Pada hari kedua, aktiviti pembersihan pantai diadakan pada waktu pagi, disusuli dengan sesi beramah mesra dengan penduduk Kampung Tengah, Pulau Pangkor pada tengahari. Selain itu, peserta turut terlibat dalam aktiviti University Social Responsibility (USR) di Masjid Teluk Raja Bayang, Pulau Pangkor, Perak. Peserta lelaki bergotong royong membersihkan kawasan luar masjid, manakala peserta wanita pula membersihkan dan mencantikkan kawasan dalam masjid.

Program ini telah mendapat peruntukan daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM CPP dan juga sumbangan daripada Pejabat Parlimen Lenggong, Perak yang diketuai oleh Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Haji Nasarah, dan syarikat THB Maintenance Sdn. Bhd. Dengan peruntukan dan sumbangan ini, program ini dapat berjalan dengan lancar dan berjaya. Program yang dijalankan ini dapat memenuhi kriteria daripada pihak HEP iaitu program kesukarelawanan pelajar, program kepimpinan, penglibatan syarikat dalam aktiviti kerjaya, dan program

pembangunan kemahiran komunikasi pelajar di peringkat nasional.

Program P'CES Clubhouse ini berfungsi sebagai platform untuk membantu dan membimbing ahli baru kelab dalam aspek kerjasama dan kepimpinan. Ia juga bertujuan untuk melatih ahli kelab agar menjadi pelapis kepada Majlis Tertinggi (MT) dan sekretariat kelab pada masa depan. Tambahan pula, program ini berperanan dalam memperluaskan jaringan kerjasama dengan penduduk setempat serta jawatankuasa masjid melalui aktiviti komuniti

seperti gotong-royong membersihkan kawasan masjid. Perdedahan kepada pelajar mengenai kepimpinan dan jatidiri adalah penting dalam membentuk karakter dan etika pekerjaan yang baik. Aktiviti dalam program ini melibatkan pelbagai sesi seperti aktiviti dalam kumpulan, pembersihan pantai, syarahan dan perbincangan umum mengenai kepimpinan dan etika bekerja, serta lawatan rapat kasih ke rumah-rumah penduduk. Semua aktiviti ini bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama, tanggungjawab sosial, dan kepimpinan dalam kalangan pelajar.



Program P'CES Clubhouse di Pulau Pangkor ini bukan sahaja memberi manfaat kepada peserta dari segi peningkatan kemahiran kepimpinan dan jatidiri, tetapi juga memberikan impak positif kepada komuniti setempat melalui aktiviti khidmat masyarakat yang dijalankan. Dengan kerjasama antara pihak kelab yang mewakili universiti dan juga komuniti, program seperti ini dapat mengukuhkan hubungan antara pelajar dan masyarakat, selain menerapkan nilai-nilai murni seperti gotong-royong dan saling

membantu dalam kehidupan seharian.

Secara keseluruhannya, P'CES Clubhouse 2023 adalah satu inisiatif yang berkesan dalam memupuk kepimpinan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan pelajar Pengajian Kejuruteraan Awam UiTM Cawangan Pulau Pinang. Dengan sokongan daripada pelbagai pihak, program ini telah berjaya mencapai matlamatnya dan memberikan pengalaman berharga kepada semua peserta.





KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAMME (KTP):

Savor The Flavours Through Culinary Experience

**Nur Nadia Maisarah Mohd Fisol, Ahmad Redhuan Abu Bakar,
Mas Affandy Mashuri, Teku Zariff Zaeimoedin**

Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang



Program yang berlangsung pada 24 November 2023 melibatkan penyertaan 60 murid-murid miskin tegar dan guru daripada SK Sungai Acheh, Nibong Tebal, Pulau Pinang. Program ini adalah anjuran HTC556 Food and Society Sarjana Muda Sains Seni Kulineri, Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP), UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) dengan kerjasama Farm Fresh (MH Milk Sdn. Bhd). Program ini merupakan program pembudayaan ilmu, perkongsian ilmu pengetahuan, jaringan komuniti dan program multidimensi pencegahan kemiskinan.

Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan sepanjang program ini berlangsung. Antaranya adalah taklimat pemakanan sihat, pendidikan kebaikan susu dan bicara usahawan yang telah disampaikan oleh Pensyarah UiTM CPP, sesi demonstrasi masakan – carbonara pasta oleh Alumni UiTM dan latihan amali murid-murid SK Sungai Acheh membuat tuna canapé dan yogurt parfait yang telah disampaikan oleh pelajar-pelajar Sarjana Muda Sains Seni Kulineri, UiTM CPP.

Pelaksanaan program ini diharap dapat membantu murid-murid dalam memahami kepentingan mengamalkan



pemakanan sihat, pemangkin untuk mengubah nasib keluarga dan akan menjadikan usahawan makanan sebagai salah satu cita-cita dalam kerjaya.

Program ini secara tidak langsung telah memupuk semangat kerja berpasukan dan mengeratkan jaringan kerjasama antara pihak UiTM Cawangan

Pulau Pinang, Farm Fresh dan pihak SK Sungai Acheh, Nibong Tebal, Pulau Pinang. Program ini juga telah mendapat maklumbalas yang sangat baik dari semua pihak yang terlibat dan diharapkan program seumpama ini dapat dijalankan lagi pada masa akan datang.



Farm
FRESH





**Knowledge Transfer Program (KTP):
MALAYSIAN HERITAGE
CUISINE**

**Nur Nadia Maisarah Mohd Fisol, Shahril Hussin, Nur Syahira Bibit,
Teku Zariff Zaeimoedin**

Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

12

Pada tanggal 30 November 2023, berlangsungnya program Knowledge Transfer Programme (KTP): Malaysian Heritage Cuisine yang diadakan di SMK Dato' Kailan, Kepala Batas, Pulau Pinang bagi memenuhi pembelajaran SULAM HTC556 Food and Society bagi pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Seni Kulineri, Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP), UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP). Seramai enam (6) orang dari program pertukaran pelajar dari Universitas Ciputra, Surabaya, Indonesia turut terlibat, menjadikan keseluruhan 18 orang pelajar dan tiga (3) pensyarah yang terlibat dalam menjayakan program ini.

Kod kursus HTC556 merupakan satu (1) daripada dua (2) kod kursus Ijazah Sarjana Muda FPHP yang memerlukan pembelajaran SULAM. Program Service Learning Malaysia – University for Society (SULAM) yang merupakan kaedah pembelajaran yang memberi peluang kepada pelajar untuk menyumbang ilmu, kemahiran dan kompetensi bidang mereka dalam menyelesaikan masalah atau isu masyarakat/komuniti. Program SULAM ini menyokong Lonjakan Pendidikan Tinggi bagi



melahirkan graduan yang holistik, seimbang dengan minda keusahawanan. SULAM juga adalah salah satu elemen yang mencirikan sesuatu kurikulum itu mempunyai Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi pada 2016 (Service Learning Malaysia - University for Society, UiTM, 2020).

Bab 6 simbolik makanan dan budaya dijadikan program SULAM bagi kod kursus ini. Oleh yang demikian, seramai 39 orang pelajar tingkatan 4 dan 5 Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) Penyediaan dan Pembuatan Makanan SKM Tahap II telah dipilih bagi mencapai objektif dan matlamat pembelajaran SULAM.

Program dimulakan dengan taklimat kerjaya seni kulineri dan demonstrasi seni ukiran buah dan sayuran oleh

Pensyarah Seni Kulineri, demonstrasi pembuatan croquembouche oleh Alumni UiTM dan demonstrasi penyediaan dan pembuatan nasi tumpang oleh pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Seni Kulineri.

Pelaksanaan program SULAM ini dapat memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar PVMA kepada dunia seni kulineri, membantu kesejahteraan komuniti melalui sumbangan ilmu serta menjalinkan kerjasama simbiosis antara pelajar, pensyarah dan komuniti. Malah, program ini juga memupuk semangat berpasukan dan mengeratkan jaringan kerjasama antara dua (2) negara. Program ini telah mendapat maklumbalas yang sangat baik dari semua pihak yang terlibat dan diharapkan program seumpama ini dapat dijalankan lagi pada masa akan datang.





Wakaf Air: Memperkasa Komuniti di Kampung Pahit Dalam, Gerik

Adhilla Ainun Musir , Nurulzatushima Abdul Karim, Nor Azliza Akbar, Badrul Nizam Ismail, Siti Hafizan Hassan, Zul Azmi Mohtar, Zuraishah Dollah

Pengajian Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

Program ini juga hasil kolaborasi bersama pihak Pejabat Pertanian Daerah Seberang Perai Utara, Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Utara serta Pasukan Pelindungan Kanak-kanak (PPKK) Daerah Seberang Perai Utara. Objektif program ini antaranya adalah sebagai salah satu inisiatif yang Pada tarikh 12-14 Disember 2023, Program Khidmat Masyarakat Projek Wakaf Air (PWA) berlangsung dengan jayanya di Kampung Pahit Dalam, Gerik. Kolaborasi di antara UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) dan Suruhanjaya Air Negara (SPAN) membuahkan hasil yang membanggakan dalam mencapai objektif bagi membantu membekalkan

sumber air kepada komuniti di sini. Program ini dibiayai oleh Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim melalui Unit Wakaf Air bersama Yayasan Waqaf Malaysia. Ia bertujuan memberikan khidmat pemindahan ilmu dan teknologi kepada penduduk kampung dalam pelaksanaan PWA iaitu dengan menyediakan bekalan air mentah kepada 70 buah rumah yang terputus bekalan air di kampung tersebut. Sebanyak 35 orang pelajar tahun akhir Diploma Kejuruteraan Awam dan tujuh (7) orang tenaga pengajar dari UiTM Cawangan Pulau Pinang telah berganding bahu untuk menjayakan program ini dengan penuh kesungguhan. Di samping itu, program ini turut melibatkan sokongan aktif dari Kolej

Vokasional (KV) Gerik, yang turut serta menghantar wakil pensyarah dan pelajar mereka dalam membantu menjayakan PWA ini.

Tambahan pula, kepakaran dari pihak industri seperti Lembaga Air Perak (LAP) dan SPAN dalam sistem pemasangan bekalan air juga dipraktikkan bagi projek ini berjalan dengan lancar. Dalam melaksanakan projek ini, kolam takungan dibina di atas bukit bertujuan untuk menampung air yang kemudiannya boleh disalurkan kepada penduduk kampung. Sistem penapis air berkost rendah menggunakan batu kerikil turut dibina di dalam kolam takungan untuk memastikan air yang disalurkan





adalah bersih dan jernih untuk kegunaan penduduk kampung. Melalui pemindahan ilmu pengetahuan dan kemahiran praktikal yang telah dipelajari, pelajar dari program Pengajian Kejuruteraan Awam (PKA) serta pelajar dari KV Gerik turut memberikan sumbangan yang signifikan dalam membantu menjayakan program ini.

Tidak dapat dinafikan lagi, gabungan kemahiran dan kepakaran dari pelbagai pihak membolehkan sistem perpaipan bekalan air dari bukit berjaya dilaksanakan, menjadikan air dapat disalurkan kepada penduduk kampung dengan berkesan. Kelegaan yang dirasakan oleh penduduk kampung dengan wujudnya PWA ini amat bermakna, memudahkan urusan seharian mereka serta aktiviti yang memerlukan air bersih. Kemudahan akses kepada

bekalan air bersih turut membantu meningkatkan kesejahteraan hidup mereka.

Dengan kehadiran warga UiTM Cawangan Pulau Pinang, ianya telah memberikan kesan positif yang ketara kepada masyarakat tempatan. Langkah ini sejajar dengan hasrat UiTM untuk meningkatkan kehadiran universiti melalui jalinan hubungan yang kukuh dengan komuniti melalui penglibatan aktif, serta mempereratkan hubungan antara warga UiTM dengan alumni, industri, dan

masyarakat umum.

Harapan besar adalah bahawa keberhasilan program ini akan memberi inspirasi untuk melaksanakan lebih banyak inisiatif berkaitan dengan pemuliharaan alam sekitar serta kemudahan asas kepada masyarakat luar bandar. Pelaksanaan program ini dapat memperkukuhkan hubungan antara UiTM Cawangan Pulau Pinang dengan masyarakat, alumni, dan industri, malahan dapat menyebarkan dan berkongsi ilmu teknikal serta



kepakaran, nilai-nilai kemasyarakatan, serta mempromosikan UiTM Cawangan Pulau Pinang kepada komuniti di kawasan pedalaman dan luar bandar. Ia selaras dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia untuk mengangkat agenda “Universiti Untuk Masyarakat”. Diharapkan program sebegini dapat meningkatkan ketampakan UiTM di mata masyarakat sebagai sebuah universiti yang prihatin dan memiliki warga yang berjiwa murni.

Kesimpulannya, program khidmat masyarakat PWA ini adalah satu kejayaan kolaboratif yang memberi manfaat dan impak yang besar kepada masyarakat tempatan. Program sebegini merupakan contoh terbaik bagaimana pendidikan, kerjasama komuniti, dan inovasi teknologi dapat bersatu demi meningkatkan kualiti hidup masyarakat sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mapan (SDGs) berkaitan kebersihan air dari sumber yang bersih (SDG 6) dalam meningkatkan kebersihan dan akses kepada air minuman.



ALUMNI

COFFEE BREAK

SESI RAMAH MESRA BERSAMA ALUMNI UITM CPP

Irina Mohd Akhir, Syarifah Atifah Syed Hamzah, Prof. Madya Ts. Dr. Kay Dora Abd Ghani, Ts. Dr. Mohd Ikmal Fazlan, Rabiatul Adawiyah Abd Rahman, Nurwahida Muhamad Pengiran

**Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang
Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni, Universiti Teknologi MARA
Cawangan Pulau Pinang**

Di bawah projek Alumni naungan Pejabat Jaringan Industri dan Alumni (PJIM&A) UiTM CPP, program selingan utama Program Alumni Fun Run UiTM 2023, iaitu **"Program Coffee Break"** telah diadakan di Kafe He & She berhampiran Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP). Ramai Alumni UiTM telah berjaya dikumpulkan dan dihadirkan bagi memberi sokongan dalam penganjuran projek **"Suai Kenal dan Ramah Mesra bersama Alumni."** Penasihat dan AJK Persatuan HATSS telah sama turut menjayakan program "Alumni Coffee Break" ini.

Matlamat Program - Program Coffee Break ini adalah tunggak utama kejayaan objektif Program Alumni Fun Run

UiTM 2023, yang berlangsung pada masa yang sama di semua Cawangan UiTM terpilih SeMalaysia, dimana sesi "Coffee Break" ini dirancang bagi mengadakan platform bagi Alumni untuk berehat selepas aktiviti sihat yang telah dirancang seperti sesi senamrobik serta sukan persahabatan Alumni-Staf UiTM. Selain itu, program Coffee Break ini mewujudkan satu pengurusan peserta (Alumni) yang lebih kondusif untuk penyelesaian, menjamu selera dan rehat.

Dalam perancangan mewujudkan pengalaman baru bersama melalui projek Alumni bagi tahun 2023, Alumni UiTM telah disajikan dengan satu platform untuk mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti yang bermanfaat dan lebih sihat.

Tambahan, matlamat lain program juga adalah untuk mengiktiraf program ini sebagai tradisi baru UiTM untuk mengumpul dan menunjukkan penghargaan kepada para alumni. Meneruskan hubungan strategik bersama Alumni dalam memfokuskan faedah dua hala jesteru mengekalkan niat ini oleh pengurusan ICAN PJIM&A adalah matlamat CSR UiTM.

Kafe He & She, yang pengurusnya sendiri terdiri dari Alumni UiTM CPP, menjadikan projek ini lebih unik. Tetamu Utama Rektor UiTM CPP sendiri, Professor Haji Ahmad Rashidy Bin Razali, menyambut Alumni dengan lebih personal, santai dan sangat ramah. Tambahan, Profesor Madya Ts Dr. Kay Dora Binti Abd Ghani meningkatkan faedah program

Mugs, Mic & Alumni Harmony Session



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



UITM ALUMNI
FUN RUN 2023

28
OCT
2023

ALUAN MAJLIS
OLEH:

TIMB. REKTOR PJMGA
PROF. MADYA TS.
DR. KAY DORA ABD.GHANI

- Ramah Mesra Alumni
- Penyampaian Hadiah (Friendly games)
- Musik Akustik
- Kopi dan Pastries
- Sesi Potret Kenangan

HE & SHE COFFEE, UITM CAWANGAN PULAU PINANG

Untuk maklumat lanjut, sila
hubungi
Puan Syarifah (016-7369138)
atau
Puan Zuraida (013-9270781)



dengan berkongsi faedah pendaftaran Ahli MyAlumni UiTM, dengan bantuan Puan Irina Mohd Akhir, Penyelaras Alumni serta selaku Pengarah Projek Alumni Fun Run 2023.

Sebahagian dari aktiviti penting dan berfaedah yang telah dijalankan sebagai pengisian program adalah seperti berikut:

1) Sesi Ramah Mesra: Pengurusan Tertinggi UiTM CPP mengiktiraf dan menghargai kehadiran Alumni, 2) Memberi Kesedaran Manfaat Kad MyAlumni: Berkongsi dengan santai maklumat dan faedah MyAlumni Card kepada Alumni, dan 3) Sesi Open Mic Santai: "Sesi Perkongsian Pengalaman dan Kepakaran" di mana Alumni berkongsi pengalaman dan kepakaran

yang menginspirasi mereka semasa di UiTM CPP.

Program Impak Positif -

Program ini telah berjaya mengumpul dan menghadirkan lebih daripada 20 alumni dari pelbagai latar belakang, dimana majoriti adalah dari bidang kejuruteraan dan pengurusan hotel dan pelancongan. Sokongan para Alumni kepada program ini telah mengimarahkan lagi pengisian program dan membina hubungan yang lebih strategik antara alumni dan pengurusan utama UiTM CPP, mahasiswa dan mahasiswi, warga UiTM CPP dan masyarakat setempat.

Harapan Penyelaras Alumni - Sesi Kopi Ramah Mesra Alumni UiTM CPP tahun ini bertujuan untuk membina hubungan baharu dan mengukuhkan hubungan antara Alumni dan pelajar semasa UiTM CPP. PJIM&A telah merancang program Alumni bagi tahun 2023 dengan menghadirkan rasa dihargai serta diraikan kepada para Alumni, dimana ia dijadikan titik permulaan sebagai tradisi antara UiTM dan Alumni. bagi merealisasikan impian mentradisikan program sebegini, ICAN PJIM&A akan terus merancang dan menganjurkan program jaringan komuniti dan alumni di masa akan datang.





Kempen Derma Darah UiTM CPP–JKSB 2023

KOLABORASI STRATEGIK GALAKKAN PENYERTAAN MASYARAKAT BUKIT MERTAJAM



Daliah Hasan, Ts. Dr. Mohd Samsudin Abdul Hamid

Pengajian Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

Pengajian Kejuruteraan Awam, Kolej Pengajian Kejuruteraan, UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) dengan kerjasama Jambatan Kedua Sdn Bhd (JKSB) dan Hospital Seberang Jaya telah menganjurkan sebuah program derma darah yang diadakan di AEON Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Program ini merupakan satu inisiatif kolaboratif antara pihak universiti, pihak industri dan hospital untuk menyumbang kepada masyarakat setempat. Objektif utama program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menderma darah serta menggalakkan lebih ramai orang untuk menjadi penderma darah sukarela. Sebagai salah satu aktiviti dalam perancangan strategik Universiti Teknologi MARA (UiTM) 2025, program ini menyasarkan sekurang-kurangnya 100 penyertaan daripada warga UiTM Cawangan Pulau Pinang dan penduduk tempatan. Inisiatif ini selari dengan beberapa 'Performance Indicator' yang ditetapkan UiTM, termasuk aktiviti bersama syarikat di bawah Memorandum Persefahaman (MoU), program tanggungjawab sosial universiti (USR), nilai media dan 'Knowledge Transfer Program' (KTP). Penglibatan Jambatan Kedua Sdn Bhd sebagai rakan strategik korporat menunjukkan kemampuan UiTM untuk membina jaringan kolaboratif yang strategik. Kerjasama dengan pihak hospital pula memastikan program ini mendapat sokongan dan kepakaran teknikal yang diperlukan untuk pelaksanaan yang efektif.



Penyertaan masyarakat setempat, termasuk warga kampus UiTM CPP, menggambarkan kemampuan universiti untuk menggerakkan komuniti dalam agenda tanggungjawab sosial. Kolaborasi pelbagai pihak ini dapat memperkukuhkan lagi hubungan universiti dengan industri serta komuniti, menjana peluang untuk projek-projek masa hadapan yang lebih besar.


Bagi menyokong objektif tersebut, program ini turut menampilkan satu ceramah informatif berjudul "Derma Darah: Siapa dan Mengapa?" yang disampaikan oleh Ts. Dr. Nor Raihan Mohamad Shabani, pensyarah kanan dari Fakulti Sains Kesihatan, UiTM Cawangan Pulau Pinang. Ceramah ini bertujuan memberikan pendedahan dan pengetahuan kepada para peserta tentang kepentingan dan manfaat menderma darah.

Selain itu, penganjuran program ini juga bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama antara pihak universiti, syarikat swasta dan hospital dalam memenuhi tanggungjawab sosial korporat. Program ini menunjukkan komitmen UiTM Cawangan Pulau Pinang untuk memainkan peranan yang proaktif dalam melaksanakan tanggungjawab sosial universiti.

Sebagai institusi pengajian tinggi, UiTM mempunyai kewajipan untuk menyumbang secara aktif kepada kesejahteraan masyarakat. Program derma darah ini merupakan satu inisiatif yang sangat relevan dan membawa manfaat yang besar kepada komuniti. Dengan menyediakan platform untuk warga kampus dan masyarakat umum menyumbang darah, UiTM telah memenuhi salah satu teras penting USR iaitu "community engagement". Impak yang dihasilkan melalui peningkatan bekalan darah di hospital juga menjadikan program ini sebagai satu contoh yang baik bagi pelaksanaan USR yang benar-benar memberi nilai tambah kepada masyarakat. Dengan bergabungnya UiTM Cawangan Pulau Pinang, Jambatan Kedua Sdn Bhd dan Hospital Seberang Jaya, program ini berjaya mewujudkan sinergi yang positif untuk manfaat masyarakat umum.

Melalui kolaborasi ini, pihak penganjur dapat meningkatkan imej dan nilai komersial organisasi masing-masing di mata masyarakat setempat. Hal ini kerana program seumpama ini menunjukkan komitmen pihak terlibat untuk memberikan sumbangan dan menjadi contoh yang baik kepada komuniti.

Kempen derma darah ini juga telah berjaya mencapai objektifnya untuk menambah bilangan penderma dan meningkatkan bekalan darah di Hospital Seberang Jaya. Sokongan yang diberikan oleh sukarelawan, staf UiTM, dan penduduk setempat telah memastikan program ini berjalan dengan lancar dan berkesan. Secara keseluruhan, program derma darah UiTM CPP-JKSB 2023 ini telah membawa manfaat yang besar kepada semua pihak yang terlibat. Ia bukan sahaja memupuk semangat perpaduan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan warga UiTM dan masyarakat, malah turut meningkatkan reputasi dan hubungan strategik antara UiTM, Jambatan Kedua Sdn Bhd dan Hospital Seberang Jaya. Kejayaan program ini membuka ruang untuk kolaborasi serupa di masa hadapan demi kesejahteraan. Secara keseluruhan, program derma darah ini telah memberikan impak yang sangat positif dan strategik bagi UiTM Cawangan Pulau Pinang dalam aspek tanggungjawab sosial universiti, kerjasama industri-komuniti, serta peningkatan visibiliti dan reputasi di peringkat nasional. Ini menunjukkan kemampuan universiti untuk melaksanakan inisiatif yang memberi manfaat besar kepada masyarakat.



PROGRAM JALINAN KASIH BERSAMA PERSATUAN SAHABAT KANAK-KANAK KANSER WILAYAH UTARA (FOCCAN) 2023

**Siti Asmah Mohamed, Wan Anisha Wan Mohammad,
Nur Azimah Idris, Norshuhada Samsudin, Farah Hayati Mustafa**

Jabatan Sains Komputer dan Matematik, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

Sebuah program khidmat Masyarakat yang bertemakan jalinan kasih di bawah anjuran Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM) telah diadakan julung-julung kalinya pada 9 Jun 2023 yang lalu bertempat di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTMCPP). Program jalinan kasih ini merupakan program khas yang digerakkan bersama Persatuan Sahabat Kanak-kanak Kanser Wilayah Utara (FOCCAN). FOCCAN ialah sebuah persatuan sahabat kanak-kanak kanser Wilayah Utara yang ditubuhkan khas bagi memberi sokongan kepada ahli keluarga serta kanak-kanak penghidap kanser.

Seramai 20 orang kanak-kanak penghidap kanser dalam lingkungan 3 hingga 15 tahun bersama penjaga mereka turut serta menyertai program ini. Mereka yang terlibat dipilih sendiri oleh pengerusi persatuan FOCCAN iaitu Puan Maznah Tayib dan diiringi oleh beberapa ahli jawatankuasa persatuan FOCCAN yang lain. Program ini turut dimeriahkan dengan kehadiran badut dan maskot Mickey dan Minnie Mouse sebagai memenuhi gimik perasmian, aktiviti-aktiviti serta sesi bergambar.



Perasmian Program Jalinan Kasih ini telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Professor Ir. Dr. Hj. Ahmad Rashidy Razali, Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang serta dihadiri oleh Yang Berusaha Professor Madya Ts. Dr. Kay Dora Abd Ghani, Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni dan Yang Berusaha Ts. Dr. Rozita Kadar, Koordinator Jabatan Sains Komputer dan Matematik. Program bermula seawal 8 pagi dan tamat pada pukul 12 tengah hari. Beberapa acara menarik diadakan sepanjang berlangsungnya program jalinan kasih seperti permainan secara berkumpulan bersama badut, persembahan magik dan aktiviti mengubah belon pelbagai bentuk. Selain itu, permainan interaktif komputer turut disediakan oleh ahli jawatankuasa penganjur untuk mempelbagaikan lagi aktiviti di samping menarik minat kanak-kanak dalam bidang teknologi komputer.



Program jalinan kasih ini bertujuan meraikan dan menyantuni kanak-kanak pesakit kanser FOCCAN yang sedang diuji dengan penyakit masing-masing. Pelbagai aktiviti yang menyeronokkan dilakukan bersama-sama kanak-kanak penghidap kanser dengan harapan dapat menyenangkan hati mereka disamping menyuntik semangat kanak-kanak ini dan para penjaga ke arah menjalani kehidupan yang lebih sihat dan bermakna.

Program ini antara lain merupakan salah satu usaha dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM) untuk mendekati masyarakat yang kurang bernasib baik seperti pesakit kanser dan menjadi salah satu KPI (Key Performance Indicator) jabatan bagi memenuhi perancangan strategik JSKM 2023. Secara umumnya, program khidmat masyarakat yang berkonsepkan

“fun day” ini memberi fokus kepada usaha menceriaikan, mengembirakan serta berkongsi rezeki bersama kanak-kanak FOCCAN.

Setiap aktiviti yang dijalankan mendapat sambutan yang positif dan luar biasa daripada setiap kanak-kanak FOCCAN yang terlibat. Mereka kelihatan gembira dan bersemangat tinggi ketika melakukan aktiviti-aktiviti menarik sepanjang program ini berlangsung. Ramai di antara mereka yang petah berbicara, bergerak dengan aktif, ceria bergurau dengan keluarga dan rakan sebaya serta mesra bergaul dengan jawatan kuasa penganjur program.

Kanak-kanak juga menunjukkan rasa senang hati apabila diberi peluang menikmati suasana di dalam perpustakaan di universiti. Mereka malah menjadi lebih teruja apabila menerima pelbagai hadiah, disajikan dengan aneka makanan seperti



ais krim, bertih jagung, Mc'D Happy Meal serta dihiburkan oleh maskot dan badut yang dibawa khas bagi mencerikan program ini. Program ini juga turut melibatkan acara pemberian sumbangan bernilai Tujuh Ribu Ringgit hasil kutipan daripada warga UiTM dan telah disalurkan khas kepada persatuan FOCCAN. Pemberian sumbangan tersebut bertujuan mengurangkan kos tanggungan penjaga seperti pembelian barangan keperluan asas seperti susu, lampin pakai buang dan keperluan-keperluan lain khusus untuk kanak-kanak pesakit kanser.

Selain itu, program ini secara tidak langsung telah memupuk jalinan hubungan silaturahim yang mesra antara warga JSKM

khasnya dengan penjaga kanak-kanak kanser serta sesama ahli jawatankuasa persatuan FOCCAN. Program jalinan kasih ini merupakan antara usaha terbaik warga JSKM dalam menyantuni dan berkhidmat untuk masyarakat yang memerlukan di samping membina ukhuwah dengan pihak-pihak berkaitan. Dapat disimpulkan bahawa, program jalinan kasih yang dilaksanakan di UiTM Cawangan Pulau Pinang telah memenuhi keseluruhan objektif program dan memberi impak yang memberangsangkan terhadap semua peserta khususnya kanak-kanak penghidap kanser, para penjaga, ahli persatuan FOCCAN, termasuk warga UiTM sendiri.

Penganjuran program jalinan kasih dan kutipan sumbangan wang daripada warga UiTM adalah suatu tanda prihatin dan kasih terhadap kanak-kanak penghidap kanser. Semoga budaya peduli dan prihatin dalam kalangan warga UiTM ini tetap terpelihara dan memberi teladan yang indah kepada setiap warganya. Kesimpulannya, program ini telah memberikan pengalaman dan pengetahuan baharu serta kesedaran mengenai penyakit kanser khususnya dalam kalangan kanak-kanak kepada pihak JSKM. Semoga segala usaha, perkongsian dan tenaga yang dicurahkan di dalam program ini memberi manfaat kepada semua yang terlibat dan diberkati Allah S.W.T.



Inisiatif Khidmat Masyarakat Global bagi Memupuk Kesihatan Kanak-Kanak melalui Pendidikan Kesihatan dan Kebun Komuniti

Siti Nur Fadzilah Muhsain, Wan Nordini Hasnor Wan Ismail, Nursyuhadah Othman, Noor Hazarina Nordin, Siti Nur Fathini Muhsain

Fakulti Farmasi, Jabatan Pentadbiran dan Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

Satu inisiatif program khidmat masyarakat antarabangsa yang bertajuk "Memupuk Kesihatan Kanak-Kanak melalui Pendidikan Farmasi dan Kebun Komuniti" telah diadakan di Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) Kuala Muda Penaga, Pulau Pinang. Program ini yang dianjurkan oleh Fakulti Farmasi, dengan kerjasama "Special Interest Group" (SiG) SOLID dari Jabatan Pentadbiran dan Pengurusan Perniagaan, UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP), telah berlangsung pada 22 November 2023. Program ini merupakan sebahagian aktiviti rangka lawatan akademik tiga hari ke UiTM CPP, oleh kira-kira 70 kakitangan akademik dan pelajar yang mewakili 35 institusi akademik dari Indonesia. Objektif utama inisiatif ini adalah untuk memberi manfaat kepada kira-kira 30 kanak-kanak dari PAKK Kuala Muda.

Program ini mempunyai kepentingan tersendiri kerana ia menandakan usaha pertama fakulti dalam program komuniti melibatkan kakitangan akademik dan pelajar dari luar negara. Sebagai ketua aktiviti khidmat masyarakat ini, Dr. Siti Nur Fadzilah Muhsain telah mewakili fakulti dalam memberikan ucapan tentang aktiviti yang akan dijalankan untuk acara separuh hari tersebut. Sesi pertama dijalankan oleh Dr. Nor Hidayah Harun, Ketua SiG SOLID, yang memberi penerangan kepada peserta mengenai manfaat keterlibatan dalam aktiviti pertanian dan berkebun, terutamanya untuk kanak-kanak. Ini diikuti dengan sesi penerangan oleh Puan Wan Nordini Hasnor Wan Ismail dan Puan Nursyuhadah Othman, pensyarah kanan dari Fakulti Farmasi yang menerangkan kepentingan sinaran cahaya matahari kepada kesihatan serta demonstrasi penyediaan hand sanitiser dalam sesi 'Do It Yourself' (DIY).





Program ini turut dimeriahkan lagi dengan taklimat dari En. Mohd Muzammir Musa dari Pejabat Pertanian Daerah, Seberang Perai Utara, yang berkongsi ilmu dalam teknik dan informasi tentang pertanian moden secara teknik hidroponik. Manfaat acara ini adalah pelbagai di mana staf akademik dan pelajar dapat meningkatkan pengetahuan, keyakinan, dan kemahiran sosial mereka melalui interaksi dengan masyarakat. Program ini juga menjadi platform berharga untuk memperkuat hubungan antara peserta tempatan dan antarabangsa, serta komuniti sekitar PAKK Kuala Muda. Paling penting, pengetahuan dan teknik yang betul berjaya disampaikan kepada kanak-kanak, yang

pastinya akan memberi manfaat kepada mereka di masa hadapan.

Tambahan pula, aktiviti praktikal yang dijalankan semasa acara ini memberikan pengetahuan dan kemahiran kepada kanak-kanak dari PAKK yang akan meningkatkan minat berkebun yang seterusnya dapat memperkasakan mereka untuk menjalani kehidupan yang lebih sihat dan mampan. Dengan menanam minat terhadap pertanian dan kebun, menggalakkan amalan kebersihan, serta menyampaikan pandangan berharga tentang pemakanan dan kesejahteraan, diharapkan inisiatif ini dapat memberikan impak positif jangka panjang dalam komuniti.

Dengan kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan dan menggabungkan kepakaran dari bidang disiplin yang berbeza, fakulti telah menunjukkan keupayaannya untuk menangani cabaran sosial yang kompleks dan membuat perbezaan yang nyata dalam kehidupan orang lain. Dengan meneruskan usaha bersama kakitangan akademik, pelajar, dan rakan komuniti, Fakulti Farmasi dapat memainkan peranan utama dalam mempromosikan kesihatan, pendidikan, dan pembangunan sosial dalam komuniti tempatan dan antarabangsa.

STEM: LET'S LEARN INTERACTIVELY 2023

Azlina Mohd Mydin, Wan Anisha Wan Mohammad, Siti Nurleena Abu Mansoor,
Rafizah Kechil, Mahanim Omar, Siti Mariam Saad

Jabatan Sains Komputer dan Matematik, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang



Program “STEM: Lets Learn Interactively 2023” ini merupakan salah satu aktiviti bersama komuniti yang dijalankan oleh warga Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM), UiTM Cawangan Pulau Pinang yang telah berlangsung dengan jayanya pada 22 Ogos 2023 yang lepas. Program ini merupakan program kerjasama dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Tasek Gelugor, Pulau Pinang. Sekolah Menengah Kebangsaan Tasek Gelugor ini mempunyai program Pendidikan Khas yang dikenali sebagai Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). PPKI adalah program pendidikan khas untuk murid-murid yang mempunyai pelbagai masalah kesihatan antaranya seperti pendengaran, ADHD, ‘sindromdown’ dan masalah penglihatan. Program ini dirancang untuk mengatasi masalah kaedah pembelajaran tradisional yang kurang mendapat sambutan dikalangan pelajar pendidikan khas. Disamping itu, bagi mengatasi masalah pelajar dalam penerimaan terhadap subjek Matematik, Bahasa Inggeris, Sains dan Teknologi.

Program STEM yang dijalankan ini diharapkan dapat meningkatkan pengetahuan dan pengalaman staf JSKM, UiTM Cawangan Pulau Pinang disamping dapat menjalinkan hubungan



komuniti bersama pihak sekolah. Dengan adanya program sebegini juga staf dapat berkongsi kepakaran mereka kepada pelajar-pelajar PPKI di SMK Tasek Gelugor berkaitan dapat menambahkan ilmu kepada teknologi. Para pelajar juga dapat mengukuhkan perkembangan sosial dengan masyarakat di luar sekolah dengan mengamalkan norma baharu. Dengan menyertai program ini diharapkan para pelajar PPKI ini dapat memupuk semangat dan mengamalkan nilai-nilai murni, meningkatkan keyakinan diri dan bersikap positif dalam tugas dan kehidupan seharian mereka. Diharapkan juga dapat menambah penguasaan murid berkomunikasi dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris melalui arahan yang diberi.

Program yang berlangsung selama separuh hari itu melibatkan seramai 37 org pelajar PPKI, 6 orang cikgu dan 14 orang fasilitator pada kali ini. Pelajar-pelajar ini dipecahkan kepada 6 kumpulan untuk melancarkan serta memudahkan perjalanan aktiviti yang dirancang. Pembahagian kumpulan ini dibuat oleh cikgu SMK Tasek Gelugor kerana mereka lebih mengenali pelajar tersebut. Kumpulan yang dibahagikan seimbang mengikut keadan kesihatan pelajar-pelajar



Bil	Nama Permainan Inovasi	Penerangan
1.	Letter loot	Permainan yang melibatkan para pelajar untuk memikirkan nama yang melibatkan huruf yang berkaitan
2.	TeKnow	Permainan yang melibatkan ejaan dalam Bahasa Inggeris
3.	Caspell	Permainan yang membolehkan pelajar untuk mengambil tindakan yang bergerak dengan pantas sambil menjawab soalan yang diberikan
4.	Computer Math Game	Permainan dalam komputer yang melibatkan soalan-soalan matematik
5.	SnaP Edu	Permainan ini mengajar pelajar untuk lebih peka dan menjawab soalan berkaitan topik dipilih
6.	Pictionary	Dalam permainan ini, pelajar perlu mendengar arahan serta melukis gambar. Kemudian, rakan yang lain perlu meneka gambar yang telah dilukis oleh rakan tersebut





tersebut. Sebanyak 6 aktiviti yang dirancang mengikut kemampuan pelajar-pelajar tersebut. Setiap aktiviti ini menggunakan produk inovasi yang direkabentuk oleh staf JSKM yang boleh diguna pakai untuk pembelajaran. Semua aktiviti ini adalah aktiviti belajar sambil bermain. Ini adalah bertujuan untuk menarik minat pelajar PPKI terhadap pelajaran. Kesemua permainan ini adalah produk inovasi dalam pembelajaran yang boleh diadaptasi mengikut peringkat para pelajar tersebut. Jadual di bawah menerangkan nama dan produk inovasi yang digunakan dalam aktiviti semasa program STEM ini.

Satu kaji selidik telah dijalankan dikalangan pelajar dan cikgu yang terlibat dalam aktiviti STEM ini. Tujuan utama kaji selidik ini adalah untuk mengenalpasti keberkesanan pilihan aktiviti terbabit kepada pelajar PPKI ini. Hasil kajian mendapati para pelajar sangat berpuas hati dan gembira dapat mengikuti program STEM yang dijalankan. Dengan maklum balas yang diperolehi, program STEM ini diharapkan dapat diteruskan sebagai aktiviti tahunan bersama pelajar-pelajar PPKI di Pulau Pinang.

PROGRAM CAKNA ILMU: MENEROKA PELUANG DAN MENCIPTA KEGEMILANGAN UNTUK GENERASI MUDA MASA DEPAN

**Siti Nur Fathini Muhsain, Nor Fadzilah Zainal , Dr. Nor Hidayah Harun,
Mohd Sukor Md Yusoff**


Jabatan Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

Jabatan Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) telah menjalin kerjasama erat dengan Pasukan Pelindungan Kanak-kanak Daerah Seberang Perai Utara (SPU) melalui pelbagai program pemerksaan komuniti seperti Program Agropreneur Muda Fasa 1 dan Fasa 2, Program Kenali IT, Program Explorace, dan lain-lain lagi sejak bermula dari 2022.

Salah satu inisiatif terbaru adalah Program Cakna Ilmu, hasil kolaborasi antara UiTM CPP dan Pasukan Pelindungan Kanak-kanak daerah SPU. Program yang berlangsung pada 7 Februari 2023 juga bersempena dengan sambutan Mega Charity Run

UiTM Cawangan Pulau Pinang ini bertujuan memberikan pendedahan kepada kehidupan kampus serta memupuk semangat dan motivasi dalam kalangan pelajar sekolah menengah untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti. Program ini menyasarkan seramai 120 pelajar dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 4 dari tiga Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) sekitar daerah Seberang Perai Utara, iaitu PAKK Kuala Muda, PAKK Pokok Machang, dan PAKK Taman Tun Dr Awang. Program ini telah dirasmikan oleh Ybrs Prof. Dr. Mohamad Hariri Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni) Universiti Teknologi MARA.

Objektif program ini adalah untuk memberikan peluang kepada peserta untuk menyertai program yang dianjurkan di UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP), mendedahkan peserta kepada pelbagai aktiviti dan program di kampus UiTM CPP, serta merangsang semangat belajar melalui aktiviti seperti Charity Run, Ceramah Motivasi, Sesi Latihan Dalam Kumpulan (LDK), dan Sesi Lawatan Sekitar Kampus UiTM CPP.





Diharapkan melalui program ini, para peserta akan memperoleh maklumat mengenai peluang melanjutkan pelajaran, khususnya di UiTM CPP. Selain itu, para peserta diharapkan akan mempunyai semangat motivasi dan keyakinan yang lebih tinggi dalam pelajaran untuk mencapai impian masing-masing. Jalinan program seperti ini juga dapat memantapkan kerjasama dan hubungan erat antara UiTM CPP dan Pasukan Pelindungan Kanak-kanak Daerah SPU, yang telah lama terjalin, demi membantu dan memartabatkan generasi muda ke tahap yang lebih tinggi.



PROGRAM DARE TO SPEAK 2.0

Noor Azli Affendy Lee, Norhafizah Abdul Halil

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

Pada 28 Oktober 2023, Akademi Pengajian Bahasa (APB), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP), dengan kerjasama Pusat Sumber Sekolah Kebangsaan Permatang Bertam, Unit Highly Immersive Program (HIP), dan Jawatankuasa Bahasa Inggeris SK Permatang Bertam di Kepala Batas, Pulau Pinang, telah menganjurkan program khidmat masyarakat "Dare to Speak 2.0".



Program ini berjaya menarik penyertaan seramai 88 orang pelajar dari Tahun 4 hingga Tahun 6 Sekolah Kebangsaan Permatang Bertam dan sekolah-sekolah di sekitar kawasan Kepala Batas. Seramai 28 orang pensyarah daripada Akademi Pengajian Bahasa UiTM CPP telah memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan program tersebut.

"Dare to Speak 2.0" merupakan lanjutan daripada program khidmat masyarakat APB yang diadakan pada 13 Ogos 2022 di sekolah yang sama. Tujuan utama program ini adalah untuk membantu pelajar meningkatkan kemahiran bertutur dalam Bahasa Inggeris, terutamanya dalam situasi umum. Program ini, secara khususnya, membina kemahiran berkomunikasi para pelajar melalui pemahaman teknik-teknik pengucapan awam dan bercerita. Program tersebut telah sedikit sebanyak berjaya menambah keyakinan diri pelajar untuk berbahasa Inggeris di hadapan khalayak ramai.

Program dimulakan dengan majlis perasmian oleh Pengarah Program, Puan Norhafizah Abdul Halil, dan ini diikuti dengan ucapan oleh Guru Besar SK Permatang Bertam, Tuan Haji Roslan Ahmad. Selepas itu, program diteruskan pula dengan sesi penyampaian sijil dan cenderamata kepada pelajar dan sekolah yang terlibat, serta sesi fotografi. Setelah tamatnya sesi majlis perasmian, para peserta dibahagikan kepada 8 kumpulan bagi menjalankan aktiviti berkumpulan. Setiap kumpulan pelajar dibantu oleh 2 orang fasilitator dari APB UiTM CPP. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan termasuklah pembelajaran secara kumpulan dan bercerita (storytelling) yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran bertutur dalam Bahasa Inggeris.

Pendekatan pengajaran yang digunakan dalam program ini menggalakkan pelajar untuk berinteraksi dan berkolaborasi antara satu sama lain, sambil mempraktikkan kemahiran bahasa mereka dalam suasana yang menyeronokkan dan santai. Program ini turut menekankan nilai-nilai seperti saling menghormati, toleransi, dan kerjasama dalam kalangan peserta dan fasilitator. Berdasarkan maklum balas daripada peserta dan fasilitator, "Dare to Speak 2.0" telah diakui sebagai program yang sangat

berjaya dan mencapai objektifnya. Para pelajar yang terlibat menunjukkan peningkatan dalam kefahaman dan keyakinan mereka untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris. Penglibatan aktif dan komitmen tinggi daripada pelajar serta kerjasama yang erat antara semua pihak yang terlibat mencerminkan kejayaan program ini. Aktiviti yang disusun telah memberikan pengalaman yang bermakna dan memupuk minat pelajar untuk terus belajar dan memperbaiki kemahiran bahasa mereka.

Akademi Pengajian Bahasa berharap agar program-program seperti ini dapat diteruskan pada

masa hadapan untuk membantu lebih ramai pelajar menguasai kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris, sekaligus membuka lebih banyak peluang untuk kejayaan mereka dalam pelbagai bidang. "Dare to Speak 2.0" adalah contoh cemerlang bagaimana usaha bersama antara universiti dan komuniti setempat dapat memberi impak yang positif kepada pelajar. Melalui program ini, APB UiTM CPP telah berjaya memberi sumbangan yang bermakna dalam memupuk kemahiran bahasa dan keyakinan diri dalam kalangan pelajar sekolah rendah, yang akan menjadi asas penting untuk kejayaan mereka pada masa hadapan.



MADRASAH VISIT AND EXCHANGE OF KNOWLEDGE

Noor Azli Affendy Lee, Muhammad Aiman Abdul Halim

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

Pada 12 dan 13 Mei 2023, Persatuan Bahasa Inggeris dan Kelab Budi Penyayang dari Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) telah bergabung tenaga untuk menganjurkan program perkongsian ilmu di Maahad Riyadhul Quran (MRIQ) di Sungai Petani, Kedah. Program ini bertujuan untuk memupuk kemahiran berbahasa Inggeris dalam kalangan pelajar madrasah serta memperkaya pengalaman pembelajaran mereka melalui teknik gamifikasi.

Program yang bertemakan "Empowering Tahfiz Students through Gamification" atau "Memperkasakan Pelajar Tahfiz Melalui Gamifikasi", merupakan kesinambungan daripada kejayaan dua program terdahulu iaitu "Madrasah Visit & Exchange of Knowledge 2022" dan "Gamification of English, Mathematics & Science 2022". Program ini bertujuan

untuk menggalakkan interaksi bermakna antara pelajar UiTM dengan pelajar tahfiz melalui penggunaan teknik pengajaran yang kreatif dan menarik.

Seramai 36 pelajar UiTM CPP, termasuk 15 orang fasilitator, telah menyertai program ini. Selain itu, 20 orang huffaz muda dari MRIQ turut mengambil bahagian. Empat orang pensyarah dari Akademi Pengajian Bahasa (APB) juga hadir untuk memberikan

panduan dan memastikan kelancaran aktiviti sepanjang program.

Program ini dimulakan dengan penuh keceriaan pada hari Jumaat, yang mana semua pelajar dari UiTM dan MRIQ mengambil bahagian dalam sesi ice-breaking yang melibatkan aktiviti suai kenal dan team building. Selepas itu, program diikuti dengan sesi station games bahasa Inggeris yang menyeronokkan sebelum para





peserta lelaki melaksanakan solat Jumaat di masjid berhampiran. Selepas solat, satu lagi sesi station games dijalankan dengan 4 lagi permainan bahasa yang dapat membantu penguasaan Bahasa Inggeris para huffaz muda. Pada waktu petang, para peserta bekerjasama dalam persiapan untuk acara kemuncak, iaitu barbeku dan jamuan Hari Raya Aidilfitri yang dihadiri oleh ibu bapa para huffaz muda, komuniti setempat, dan Lembaga Eksekutif MRIQ. Para pelajar lelaki UiTM CPP kemudiannya bermalam di MRIQ, manakala pelajar perempuan kembali ke kampus pada penghujung hari pertama.


Pada hari kedua (Sabtu), program bermula dengan solat Subuh dan kuliah Subuh sebelum sarapan pagi. Aktiviti seterusnya adalah usaha kolaboratif antara pelajar UiTM

dan MRIQ dalam gotong-royong untuk mencipta kawasan futsal di dalam kawasan madrasah. Semasa sesi gotong-royong, sekumpulan pelajar terpilih dari MRIQ terlibat dalam sesi pemindahan ilmu memasak bersama pelajar Kelab Budi Penyayang dari Diploma Seni Kuliner. Hasil daripada sesi tersebut, mereka dapat menyediakan hidangan makan tengah hari yang lazat sebagai ganjaran untuk semua pelajar setelah bekerja keras sepanjang sesi gotong-royong. Program ini berakhir pada pukul 4.00 petang, meninggalkan kenangan yang manis untuk semua yang terlibat.

Program "Madrasah Visit & Exchange of Knowledge 2.0" ternyata menjadi pengalaman yang menarik dan memberikan ganjaran yang besar. Dengan menggabungkan keseronokan dengan pembelajaran bahasa

yang efektif, MRIQ menantikan kembalinya kelab-kelab UiTM untuk program-program akan datang, yang akan terus mengukuhkan hubungan antara UiTM dan MRIQ sambil memupuk kemahiran bahasa dalam semangat kerjasama.

Program ini bukan sahaja memperkasa pelajar tahfiz dengan kemahiran bahasa baru tetapi juga memupuk persahabatan yang erat antara pelajar dari latar belakang yang berbeza. Inisiatif seperti ini menunjukkan bagaimana pendidikan dapat menjadi alat yang kuat untuk menyatukan komuniti dan memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar.





Projek

RUMAH KEBAJIKAN ANGKAT PENYAYANG UITMCPD 2023

Noor Azli Affendy Lee, Wan Noorli Razali

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang



Projek Rumah Kebajikan Angkat Penyayang UiTM CPP adalah satu inisiatif yang diperkenalkan oleh Kelab Budi Penyayang Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP). Program ini bertujuan untuk memberikan sokongan dan bantuan jangka Panjang kepada Rumah Kebajikan Anak Kesayangan di Permatang To'Kandu, Permatang Pauh, Pulau Pinang. Melalui aktiviti sukarelawan yang penuh dengan semangat dan dedikasi, projek ini berjaya memberikan impak yang positif kepada komuniti yang memerlukan.

Matlamat utama projek ini adalah untuk membantu meningkatkan kualiti hidup kanak-kanak perempuan berumur lima dan enam tahun di rumah kebajikan tersebut dengan menyediakan bantuan fizikal, pendidikan, dan emosi. Projek ini dimulakan pada 8 Januari 2023, melalui Projek Rintis Rumah Kebajikan Angkat. Para sukarelawan yang terlibat terdiri daripada 25 orang pelajar pelbagai jurusan dari UiTM CPP Kampus Permatang Pauh dan 4 orang pensyarah yang merupakan penasihat kelab. Para sukarelawan telah menyumbang tenaga untuk membersihkan sawang, menebas semak samun, memotong rumput, serta mengecat pagar dan dinding rumah kebajikan. Selain itu, kanak-kanak rumah kebajikan juga terlibat dalam aktiviti membaca dan menulis dalam tiga bahasa (Malaysia, Inggeris

dan Perancis) melalui kaedah Total Physical Response. Sukarelawan dari bidang Seni Kulinari juga ditugaskan untuk menyediakan makan tengahari program. Projek Rintis tersebut berakhir pada jam 4 petang.

Susulan daripada kejayaan program tersebut, aktiviti-aktiviti yang sama telah dijalankan pada 18 Jun 2023. Selain itu, satu kutipan sumbangan telah dilaksanakan dari 2 hingga 10 Mei 2023, yang mana ahli-ahli Kelab Budi Penyayang telah bergiat mengumpul barang keperluan dan dana bagi menyokong aktiviti projek. Pada 14 Jun 2023, satu taklimat projek telah diadakan bagi menjelaskan perincian pelaksanaan program. Ini diikuti dengan pembelian bahan mentah masakan serta alatan mengecat pada 15 dan 17 Jun 2023. Pada 18 Jun 2023 35 orang sukarelawan yang terdiri


daripada gabungan mahasiswa kampus Permatang Pauh dan Bertam telah berkunjung ke Rumah Anak Kesayangan untuk menjalankan projek dari jam 8 pagi hingga 5 petang. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

Gotong-Royong dan Mengecat:

Para sukarelawan telah membersihkan dan mengemas kawasan rumah kebajikan, memotong rumput, membuang sampah, dan mencuci persekitaran untuk memastikan kebersihan dan keselesaan penghuni. Mereka juga melibatkan diri dalam aktiviti mengecat ruang dalam rumah dan menghias semula ruang untuk memberikan suasana yang lebih ceria dan selesa.

Aktiviti Pendidikan dan Interaksi:

Kumpulan sukarelawan yang bertanggungjawab mengadakan



sesi interaksi dan pengajaran bersama kanak-kanak menjalankan aktiviti bercerita dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, serta permainan interaktif yang mengasah minda 30 orang penghuni kanak-kanak rumah kebajikan.

Memasak dan Makan Bersama:

Satu lagi kumpulan sukarelawan yang terdiri daripada pelajar Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan UiTM CPP telah menyediakan hidangan makan tengah hari yang lazat untuk semua peserta sebagai penghargaan atas usaha dan kerjasama mereka sepanjang hari.

Kesimpulan daripada kedua-dua program yang dijalankan ialah program jangka Panjang sebegini telah memberikan impak yang besar kepada komuniti Rumah Kebajikan Anak Kesayangan. Kanak-kanak di rumah kebajikan tersebut bukan sahaja menerima bantuan material tetapi juga merasakan kasih sayang dan perhatian daripada sukarelawan. Sukarelawan dari UiTM CPP juga mendapat manfaat yang tidak ternilai dari segi pengalaman dan pembelajaran. Mereka belajar untuk bekerja dalam pasukan, meningkatkan kemahiran interpersonal, dan mengembangkan rasa empati terhadap golongan yang memerlukan. Dengan sokongan dari ahli komuniti dan semangat kerjasama yang tinggi, program ini telah berjaya mencapai matlamatnya untuk membawa perubahan positif dan memperkasa komuniti yang terlibat.

Susulan daripada itu, satu lagi program akan diadakan pada tahun 2024 oleh Kelab Budi Penyayang UiTM CPP untuk menyantuni aspirasi Rumah Anak Kesayangan. Projek seperti ini bukan sahaja menguatkan hubungan antara universiti dan komuniti tetapi juga memperkaya pengalaman pendidikan pelajar dengan memberi mereka peluang untuk berkhidmat dan memberi impak yang positif kepada dunia di sekeliling mereka.



PROJEK ANONYMOUS OUTREACH:

MENGGUNAKAN GATHER UNTUK SOKONGAN KAUNSELING DAN RAKAN SEBAYA

Noor Azli Affendy Lee, Muhammad Aiman Abdul Halim

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

Projek Anonymous Outreach merupakan satu inisiatif yang dilancarkan oleh Persatuan Bahasa Inggeris Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) dengan kerjasama Unit Kaunseling dan Kerjaya UiTM CPP. Program ini berlangsung dari Oktober 2022 hingga Januari 2023 dengan matlamat menyediakan platform maya yang selamat untuk para mahasiswa membincangkan isu-isu kesihatan mental mereka tanpa pendedahan identiti masing-masing.

Tujuan utama projek ini adalah untuk menangani stigma yang berkaitan dengan kesihatan mental dalam kalangan pelajar Malaysia dan komuniti universiti secara amnya. Melalui platform interaktif yang dikenali sebagai Gather, para pelajar dapat berinteraksi sebagai watak maya dalam dunia maya yang selamat. Ini membolehkan mereka berkongsi dan membincangkan isu-isu kesihatan mental dengan bebas dan tanpa rasa malu.



Program ini juga bertujuan untuk membantu pelajar UiTM CPP mendapatkan akses kepada kaunselor yang bertauliah serta menerima sokongan daripada rakan sebaya dalam menangani masalah kesihatan mental. Dengan menyediakan ruang yang rahsia dan selamat, projek ini berusaha untuk menghapuskan stereotaip negatif yang sering dikaitkan dengan isu-isu kesihatan mental.

Gather adalah platform video chat interaktif yang membolehkan pengguna berinteraksi dalam persekitaran maya. Dalam konteks projek ini, platform tersebut disesuaikan untuk menyediakan ruang yang terdiri daripada beberapa bahagian utama seperti Hub, Support Group, dan Meeting with Counsellors.

- Hub: Ruang utama ini adalah tempat di mana peserta boleh berinteraksi dan mengakses pelbagai informasi tentang kesihatan mental.
- Support Group: Ruang ini direka untuk perbincangan kumpulan, di mana pelajar boleh berkongsi pengalaman dan mendengar dari orang lain dalam suasana yang lebih tertutup.
- Meeting with Counsellors: Ruang ini menyediakan platform untuk pelajar bertemu secara peribadi dengan kaunselor dalam persekitaran yang aman dan rahsia.

Selama program ini, beberapa sesi aktiviti dan perjumpaan telah diadakan untuk membantu para peserta menyesuaikan diri dengan platform dan memahami

cara penggunaannya. Sesi percubaan juga dijalankan untuk mendapatkan maklum balas dari peserta tentang bagaimana platform tersebut boleh diperbaiki.

Sepanjang tempoh projek, sejumlah 10 peserta telah melibatkan diri dalam setiap sesi. Dengan maklum balas yang diterima dari beta testers tersebut, para pelajar yang bertanggungjawab dalam pembangunan platform dapat membuat penambahbaikan untuk memenuhi objektif projek.

Pada bulan November 2022, platform ini telah dibangunkan untuk memenuhi keperluan komuniti UiTM CPP dan pada bulan Disember 2022 serta Januari 2023, platform ini mula tersedia untuk pelajar yang ingin





mengadakan pertemuan peribadi dengan kaunselor UiTM CPP. Poster mingguan yang memaparkan fakta-fakta tentang kesihatan mental juga dikeluarkan dan dikongsikan di laman Instagram Persatuan Bahasa Inggeris untuk meningkatkan kesedaran mengenai isu-isu kesihatan mental kepada orang ramai.

Projek ini secara keseluruhannya telah berjaya memberi impak yang signifikan kepada pelajar UiTM CPP dengan menyediakan platform yang selamat untuk mereka meluahkan pendapat, belajar dari orang lain, dan menerima sokongan dalam menguruskan tekanan dan isu-isu kesihatan mental.

Projek Anonymous Outreach telah membuktikan bahawa dengan pendekatan yang inovatif, kita boleh menangani stigma dan memberikan sokongan yang diperlukan kepada mereka yang menghadapi masalah kesihatan mental. Program ini bukan sahaja menyediakan ruang yang selamat untuk pelajar tetapi juga membina komuniti sokongan yang kukuh dalam kalangan pelajar UiTM CPP. Dengan kejayaan ini, terdapat harapan besar bahawa projek seperti ini akan diteruskan dan diperluaskan pada masa hadapan untuk terus membantu lebih ramai pelajar dalam menangani isu-isu kesihatan mental.



i-ACE:

TEKNIK PEMBELAJARAN BERKESAN AL-QURAN DAN STEM MELALUI KAEDAH “DIGITAL STORYTELLING” DI SMK DATO’ KAILAN, KEPALA BATAS, PULAU PINANG

Prof. Dato Ir Dr Hj Ahmad Rashidy Razali, Prof. Madya Ts Dr Kay Dora Abd Ghani, Ts Dr Mohd Ikmal Fazlan Rozli@Rosli, Prof. Madya Dr Rofiza Aboo Bakar, Noor Azli Affendy Lee, Hanani Zubir, Mohd Tarmizi Che Othman

**Rektor, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang
Pengajian Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang
Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang
THB Maintenance Sdn. Bhd.**

Pada 13 Disember 2023 bertempat di Sekolah Menengah Dato Kailan, telah berlangsung satu projek komuniti diantara pihak Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP) dan seramai 50 orang pelajar Sekolah Menengah Dato Kailan. Projek ini menggunakan model UiTM CPP INDUSTRY-ACADEMIA-COMMUNITY (i-ACE) yang terhasil dari perbincangan dengan pihak Ybhg. Prof. Dato Rektor UiTM CPP. Model Industri-Akademik-Komuniti mewakili rangka kerja kolaboratif di mana tiga pihak berkepentingan utama – industri (THB

Maintenance Sdn Bhd), akademia (UiTM) dan komuniti (SMK Dato’ Kailan) - bergabung untuk memupuk inovasi, idea, pengetahuan, pembiayaan dan sumber antara industri, akademik dan komuniti. Model ini penting untuk memacu pertumbuhan ekonomi, memajukan penyelidikan dan pembangunan, dan menangani cabaran masyarakat. Usaha kerjasama antara industri, akademia dan komuniti yang berimpak tinggi akan membuahkan banyak faedah yang memberi kesan positif kepada semua pihak berkepentingan yang terlibat.

Pihak komuniti SMK Dato’ Kailan telah menjalankan projek mengekstrak elemen Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik bagi 30 juzuk Al Quran dengan kerjasama guru-guru, pelajar Tingkatan 2 dan Yayasan Restu, serta telah menghasilkan poster yang dipaparkan di Dewan Besar SMK Dato’ Kailan menerusi projek Taman Minda. Rentetan dari itu, beberapa orang pensyarah dari UiTM Cawangan Pulau Pinang mengambil inisiatif dan peluang untuk membimbing pelajar-pelajar menengah rendah membinakandungan Al-Quran dan STEM yang ada di dalam



poster ke dalam bentuk Digital Storytelling dan kemudiannya diterbitkan ke media sosial iaitu TikTok.


Objektif projek ini adalah untuk memberi latihan kepada para pelajar sekolah menengah rendah untuk menterjemah hasil STEM dalam Al-Quran ke platform yang menarik menggunakan teknik Digital Storytelling (DST) yang menggabungkan pelbagai deria untuk pembelajaran bermakna seperti bacaan Al-Quran (bunyi), teks Al-Quran (teks), gambar bersesuaian dan banyak lagi. Bacaan 1 ayat Al-Quran akan diiringi oleh terjemahan ayat dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Ini kerana, teknik 'Digital Storytelling' (DST) diwujudkan bagi menyampaikan sesuatu maksud komunikasi dengan lebih berkesan. DST telah dikesan sebagai alat pembelajaran yang berpengaruh bagi abad ke 21 kerana ianya dapat membantu memudahkan para pelajar menguasai kefahaman dengan meringkaskan isi isi penting apabila pelajar perlu membaca artikel pendidikan yang banyak.

Maka dengan cara ini, para pelajar lebih memahami isi kandungan STEM yang disampaikan dalam Al-Quran menerusi paparan video yang lebih menarik dan interaktif.

Pihak UiTM CPP ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak THB Maintenance kerana sudi bersama dan menaja projek ini.







**Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang, MALAYSIA**